



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK (C.3-4 EB.5)
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Polis Diraja Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mahir dalam penggunaan komputer dan mengendalikan aplikasi pangkalan data.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
4. Mempunyai pengalaman dalam membantu kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas kerja adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab membantu Pegawai Penyelidik dalam menyediakan data-data berkaitan dengan perkembangan jenayah;
2. Mengemaskinikan pangkalan data berhubung kes jenayah; dan
3. Membuat draf bagi pertanyaan-pertanyaan berhubung kes-kes jenayah yang dilaporkan dan yang berkepentingan kepada jabatan dan pasukan.